

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD. (KDEBWM)

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis-jenis aset serta jumlah aset yang dimiliki oleh KDEB Waste Management Sdn. Bhd.

- b) Adakah KDEBWM sedang merancang untuk menggunakan jenis-jenis teknologi baru dalam proses pembuangan sampah dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja manusia?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini asset-asset yang dimiliki oleh KDEBWM adalah terdiri daripada :
 - i) **Lori-lori Kompaktor**; setakat ini berjumlah **empat ratus empat puluh empat (414)** unit yang digunapakai di sebelas (11) PBT di negeri selangor bagi tujuan kutipan sampah domestik. Lori-lori kompaktor ini dari chasis model ISUZU, HINO, FUSO dan NISSAN . Ia dilengkapi dengan GPS, CCTV dan Vehicle Monitoring System yang membolehkan ia dipantau pergerakan oleh Pusat Aduan Setempat atau CCC KDEBWM.

 - ii) **Lori Armroll/RORO**; sehingga kini berjumlah **empat ratus sembilan puluh lapan (498)** unit yang digunakan bagi tujuan pembersihan awam dan kutipan sampah pukal di sebelas PBT di Negeri Selangor. Lori-lori Armroll/RORO ini dari chasis model ISUZU, HINO, dan FUSO. Ia dilengkapi dengan GPS tracker dan Vehicle Monitoring System bagi memantau pergerakan kenderaan tersebut.

 - iii) **Road Sweeper** ; ketika ini KDEBWM hanya memiliki **dua (2)** unit Road Sweeper yang digunakan untuk pembersihan kawasan jalan-jalan di Negeri Selangor. Ia juga dilengkapi GPS dan kapasiti jentera ini mampu menampung berat muatan sehingga 680kg sampah. Chasis model jentera ini dari Power Boss Armadillo 9XR dari jenama DUROMAC, USA.

 - iv) **High Pressure Water Jetter** ; sebanyak dua (2) unit High Pressure Water Jetter dimiliki oleh KDEBWM yang mampu melakukan kerja-kerja pembersihan dan pencucian longkang-longkang yang bersaiz di bawah 1.5 meter yang tersumbat dengan kekotoran atau sisa-sisa buangan.

- b) Sebagai Project Management Company (“PMC”) yang dilantik oleh kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus sisa pepejal di Negeri Selangor, peranan dan tanggungjawab KDEBWM termasuk juga mengkaji dan meneroka teknologi-teknologi baru yang berkaitan yang boleh diaplikasi di dalam operasi harian seperti Catch Basin dan Smart Litter Bin,

Langkah mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor masih belum boleh dilaksanakan ketika ini memandangkan kebergantungan kepada pemantauan kutipan sampah dan kerja-kerja pembersihan secara manual oleh tenaga kerja manusia adalah masih tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MENINGKATKAN PERWAKILAN WANITA DI PERINGKAT PEMBUATAN
KEPUTUSAN**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan perwakilan wanita dalam politik dan di peringkat pembuatan keputusan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk meletakkan *Gender Focal Point* sebagaimana syor Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor komited dalam merangka strategi dan melaksanakan perancangan yang substantif untuk memastikan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan dan dasar mampu mencapai 30% minimum pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, Program Wanita Berdaya Selangor (WBS) merupakan sebuah program intensif hasil cetusan idea di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor untuk memantapkan kemahiran dan bertindak sebagai 'paip bakat' (*talent pipeline*) untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam lapangan politik dan kerja sosial. Hal ini kerana keadaan golongan wanita memerlukan *mentoring* yang lebih tersusun dan datang daripada golongan wanita sendiri yang lebih memahami realiti dan cabaran golongan wanita yang berbeza dengan golongan lelaki dalam usaha menjadi pemimpin.

Program WBS yang akan dilancarkan pada 21 Ogos 2019 oleh YAB Dato' Menteri Besar ini mensasarkan 100 orang peserta untuk *batch* pertama yang terdiri daripada pemimpin wanita di peringkat komuniti. Ia akan menggabungkan kuliah fizikal, pembelajaran atas talian dan kerja lapangan bertempoh dua (2) tahun. Peserta akan dinilai dan disaring dengan ketat bagi memastikan mereka mempunyai kesungguhan dan komitmen yang tinggi. Manakala sesi *mentoring*

akan dibimbing oleh mentor yang berpengalaman luas dalam bidang berkaitan Kemahiran Organisasi, Kesaksamaan Gender, Kepimpinan Politik dan Kemahiran Insaniah.

Peserta yang bergraduasi daripada WBS berpeluang meneruskan minat mereka dalam bidang yang lebih luas antaranya seperti berikut :-

- i. Menyertai atau bekerja dengan mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO), organisasi politik dan memulakan aktiviti kerja sosial atau kemasyarakatan;
- ii. Memohon kerjaya sebagai penyelidik di badan pemikir, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen;
- iii. Diberi keutamaan memohon Biasiswa Pembelajaran Sepanjang Hayat IWB-OUM; dan
- iv. Menyertai WBS Chapter (Kelab Ucapan Awam WBS).

Program seperti ini diharapkan dapat menyuntik proses pemecutan penyertaan wanita dalam kepimpinan politik seterusnya memastikan keseimbangan gender dalam kepimpinan politik negeri dan negara.

- b) Kerajaan Negeri menerusi IWB Selangor akan melaksanakan Pengarusperdanaan Gender atau *Gender Mainstreaming* (GM) di Selangor bermula pada tahun 2020. Menerusi pelaksanaan Pengarusperdanaan Gender di Selangor, beberapa *Gender Focal Point* atau dipanggil sebagai GFP akan dilantik di setiap portfolio Jawatankuasa Tetap atau Exco di Negeri Selangor secara berperingkat selama tiga (3) tahun.

Kumpulan GFP yang telah dilantik akan menjadi sebuah pasukan yang dikenali sebagai Pusat Gender. Pelantikan GFP ini merupakan sebahagian daripada strategi dan langkah praktikal ke arah mengarusperdanakan gender ke dalam fasa perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Segala keperluan dan isu berkenaan dengan wanita perlu diarusperdanakan di semua peringkat penggubalan dasar atau projek supaya keperluan penerima manfaat dapat dikenalpasti dan dipenuhi dengan baik. Dalam memastikan keberkesanan sesuatu matlamat atau projek yang dijalankan, proses perancangan yang berasaskan prinsip kesedaran akar umbi perlu dilaksanakan dan proses tersebut terdapat dalam pelaksanaan Pengarusperdanaan Gender ini.

GFP yang dilantik akan berperanan sebagai fasilitator, pemangkin, penasihat dan penyelarasan rancangan pengarusperdanaan gender merentasi agensi dan jabatan

selain memastikan pelan tindakan gender dan audit gender dilaksanakan dengan baik di jabatan masing-masing. Kumpulan GFP ini juga akan terlibat dalam perancangan belanjawan tahunan jabatan bagi memastikan belanjawan yang dirancang adalah responsif terhadap semua golongan. Oleh demikian, peranan yang dimainkan oleh GFP adalah sangat signifikan dalam memastikan tiada mana-mana golongan dalam masyarakat akan tertinggal dan terpinggir seperti yang diaspirasi oleh Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu: *Leaving no one behind*.

IWB Selangor diberikan mandat untuk bertindak sebagai penyelarar keseluruhan pelaksanaan pengarusperdanaan gender di Negeri Selangor. IWB akan dibantu oleh pakar-pakar gender untuk memberi sokongan kepada setiap GFP dan Exco serta agensi-agensi semasa proses pelaksanaan pengarusperdanaan gender ini dilaksanakan.

Kerajaan negeri di peringkat tertinggi sentiasa komited terhadap segala usaha yang dilakukan bagi memperkasa dan memperkukuhkan keterangkuman wanita di Negeri Selangor kerana ia adalah sebahagian daripada agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh selain selaras dengan dengan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari yang perlu dicapai menjelang tahun 2030 seperti berikut :

- i. Matlamat 5 : Kesaksamaan Gender;
- ii. Matlamat ke-10 : Menutup jurang ketidaksamaan gender;
- iii. Matlamat 11 : Bandar dan komuniti mampan; dan
- iv. Matlamat 17 : Kerjasama bagi mencapai matlamat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK TALIAN PENGHANTARAN 500KV TNB PMU TAPAH-BENTONG
SOUTH**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat terkini mengenai Projek Talian Penghantaran 500kV dari PMU Tapah ke PMU Bentong South di bahagian Hulu Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

- b) Nyatakan status terkini kerja-kerja pembalakan di kawasan HSK laluan projek TNB ini.

JAWAPAN:

- b) MMKN Ke-3/2019 yang bersidang pada 30 Januari 2019 telah meluluskan cadangan pindaan jajaran Talian Penghantaran 500 KV TNB yang merentasi Sungai Chiling (Santuari Ikan Kelah). Selain itu, terdapat beberapa keputusan lain bagi kerja-kerja pembalakan berkaitan projek jajaran talian ini.

Selain itu, bagi mempertingkatkan langkah-langkah mitigsai terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor penebang balak yang dilantik seperti wajib mendapatkan kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) yang meliputi aspek-aspek seperti *Land Distrubun*, *Pollution Prevention*, *Mitigation Measure*. Item-item yang disyaratkan adalah seperti jarak lebar rintis (*Right of Way*) adalah 70 meter sahaja, tidak dibenarkan sebarang penebangan kayu balak pada jarak tidak kurang 20 meter dari tepi sungai (zon penampan) serta pembinaan pencawang menara tidak kurang 100 meter. Selain itu, Jawatankuasa dipanggil *Environmental Performance Monitoring Community* (ahli-ahlinya terdiri daripada wakil JAS, JPNS, TNB, PBT dan agensi berkaitan) yang akan memantau dan menilai pematuhan petunjuk-petunjuk di dalam langkah-langkah mitigasi yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan kerja-kerja penebangan dan pembersihan di kawasan HSK di bawah projek jajaran talian penghantaran TNB PMU Tapah Bentong-South ini masih belum dilaksanakan. Kerja-kerja penebangan dan pembersihan di kawasan projek ini akan dijangka dilsaksanakan pada Disember 2019. Sekiranya kerja-kerja

dilaksanakan kayu-kayu balak tersebut akan dipotong menjadi pendek dan hanya ditinggalkan sahaja di dalam kawasan HSK tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : MARTABAT SENI BUDAYA TEMPATAN

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Meru sebagai pusat pelancongan kebudayaan dengan menengahkan seni budaya tempatan seperti caklempong dan gasing?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) ada melaksanakan pengembangan seni dan budaya Selangor di kampung-kampung atau daerah. Walau bagaimana pun program ini belum dilaksanakan khusus untuk sesebuah kampung. PADAT juga sedia maklum, Meru telah membangunkan berbagai-bagai program seperti mana yang dinyatakan. Meru juga telah menganjurkan Kejohanan Gasing Pangkah Tradisional Terbuka peringkat negeri Selangor pada tahun 2016. Sebuah tugu gasing pangkah juga telah dibina di kawasan gelanggang Gasing Pangkah Tradisional Kg. Bukit Kapar.

Saranan untuk menjadikan Meru sebagai Pusat Pelancongan Kebudayaan amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun PADAT mencadangkan agar satu jawatankuasa dibentuk bagi mengenalpasti pengisian program dan yang pentingnya penglibatan masyarakat tempatan. Sebagai contoh terdapat banyak desa-desa warisan yang telah wujud di Indonesia yang mana telah menjadi tarikan pelancong dengan megetengahkan produk tempatan sama ada budaya, makanan dan kraf. Melalui program ini masyarakat desa tersebut dapat menjana pendapatan disamping mengujudkan gunatenaga bagi pengurusan dan pengeluaran produk pelancongan ini. Bagi melaksanakan program ini pihak PADAT bersedia untuk memberikan kerjasama terutama dalam penyediaan pelan induk dan kaedah pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PERINDUSTRIAN DAN PEDAGANGAN

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah YB kawasan tidak mendapat maklumat butiran kilang-kilang yang beroperasi di dalam kawasan ADUN itu sendiri?

JAWAPAN:

- a) Maklumat-maklumat berkaitan boleh diperolehi daripada pihak MIDA, Selangor Invest dan MDKS. Sebagai makluman bagi setiap permohonan perusahaan dan kelulusan lesen ianya akan dibentangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa berkaitan yang dihadiri oleh Ahli Majlis sebelum kelulusan dikeluarkan.

Maklumat tersebut adalah merupakan maklumat sulit jabatan yang disimpan oleh pihak jabatan untuk melindungi data peribadi. Pegawai dan kakitangan adalah tertakluk di bawah Arahan Keselamatan Jabatan. Sila ambil maklum bahawa pegawai dan kakitangan Majlis tidak dibenarkan memberikan sebarang maklumat melainkan telah mendapat kebenaran dari Pegawai Pemberi Maklumat Jabatan atau Pegawai Keselamatan Jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PENGURANGAN TENAGA KERJA UNTUK PEMBERSIHAN KAWASAN
SEKOLAH DAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI
SEKOLAH**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap perkara ini?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja - pekerja yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) **Jawapan masih belum diterima daripada JAB. PENDIDIKAN**
- b) Jabatan Tenaga Kerja Selangor tiada maklumat berhubung pengurangan tenaga kerja untuk pembersihan kawasan sekolah dan perkhidmatan kawalan keselamatan di sekolah.

Sekiranya berlaku, pekerja-pekerja yang terlibat boleh mendaftar dengan portal JobsMalaysia atau hadir ke Karnival Pekerjaan untuk mencari pekerjaan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS)

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk program Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS). Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan sehingga kini?

- b) Berikan pecahan kelulusan mengikut DUN.

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 291 dari Yang Berhormat DUN Kampung Tunku dengan jawapan seperti berikut.

- a) Sejak permohonan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) dibuka pada April 2019 yang lalu, sebanyak 164 permohonan telah diterima sehingga 18 Julai 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57 permohonan telah menerima manfaat Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) dengan peruntukan sebanyak RM156,799.30. Sebanyak 5 permohonan dalam proses semakan manakala 5 lagi permohonan sedang dalam proses penelitian berstatus tidak lengkap. Selebihnya, sebanyak 97 permohonan adalah tidak layak kerana tidak menepati syarat yang ditetapkan.

- b) Jadual dibawah menunjukkan bilangan permohonan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) yang telah diluluskan mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri.

| BIL | DUN | BILANGAN PERMOHONAN | JUMLAH (RM) |
|------------|-------------------|----------------------------|--------------------|
| 1 | BALAKONG | 1 | 2,280.00 |
| 2 | BANDAR BARU KLANG | 2 | 3,500.00 |
| 3 | BANDAR UTAMA | 1 | 2,900.00 |

| BIL | DUN | BILANGAN PERMOHONAN | JUMLAH (RM) |
|------------|-----------------|----------------------------|--------------------|
| 4 | BANTING | 1 | 1,399.00 |
| 5 | BATANG KALI | 1 | 4,800.00 |
| 6 | BATU TIGA | 2 | 5,000.00 |
| 7 | BUKIT LANJAN | 1 | 2,070.00 |
| 8 | DENGKIL | 5 | 6,247.00 |
| 9 | DUSUN TUA | 3 | 5,300.00 |
| 10 | KAJANG | 1 | 3,500.00 |
| 11 | KINRARA | 1 | 500.00 |
| 12 | KOTA DAMANSARA | 5 | 12,075.00 |
| 13 | LEMBAH JAYA | 1 | 4,900.00 |
| 14 | MERU | 3 | 7,580.00 |
| 15 | PANDAMARAN | 1 | 3,300.00 |
| 16 | PANDAN INDAH | 2 | 7,070.00 |
| 17 | PELABUHAN KLANG | 1 | 2,500.00 |
| 18 | RAWANG | 3 | 8,875.00 |
| 19 | SERI KEMBANGAN | 1 | 1,500.00 |
| 20 | SERI SERDANG | 1 | 3,694.40 |
| 21 | SERI SETIA | 1 | 3,500.00 |
| 22 | SG RAMAL | 1 | 3,000.00 |
| 23 | SUBANG JAYA | 3 | 10,508.90 |
| 24 | SUNGAI KANDIS | 3 | 12,500.00 |
| 25 | SUNGAI PELEK | 1 | 5,000.00 |
| 26 | SUNGAI RAMAL | 4 | 12,500.00 |
| 27 | SUNGAI TUA | 5 | 14,400.00 |
| 28 | TANJUNG SEPAT | 2 | 6,400.00 |
| | JUMLAH | 57 | 156,799.30 |

(Sumber data dari Rangkaian Mesra Sdn Bhd)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : STATUS KOLABORASI PROGRAM SMART SELANGOR DENGAN PIHAK SWASTA

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan syarikat yang telah menghantar borang "Expression of Interest" (Eoi) yang dibuka oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) pada bulan Mac 2019.
- b) Senaraikan syarikat yang telah menghantar Eoi mengikut domain atau inisiatif Smart Selangor.

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 267 syarikat telah turut serta di dalam "Expression of Interest" (Eoi) yang dibuka oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) pada bulan Mac 2019 dan sebanyak 281 kertas cadangan telah di terima.
- b) Berikut adalah pecahan jumlah kertas cadangan EOI yang diterima mengikut domain Smart Selangor:

| BIL. | DOMAIN SMART SELANGOR | JUMLAH KERTAS CADANGAN | PERATUS (%) |
|-------------|------------------------------|-------------------------------|--------------------|
| 1 | Smart Digital Infrastructure | 57 | 20.3 |
| 2 | Smart Energy & Building | 48 | 17.1 |
| 3 | Smart Transport & Mobility | 45 | 16.0 |
| 4 | Smart Safety & Security | 41 | 14.6 |
| 5 | Smart Governance | 38 | 13.5 |
| 6 | Smart Waste Management | 17 | 6.0 |
| 7 | Smart Healthcare & Wellbeing | 7 | 2.5 |
| 8 | Smart Education | 5 | 1.8 |

| BIL. | DOMAIN SMART SELANGOR | JUMLAH KERTAS CADANGAN | PERATUS (%) |
|---------------|------------------------------|---------------------------------------|------------------------|
| 9 | Smart Food & Agro | 4 | 1.4 |
| 10 | Smart Disaster Management | 4 | 1.4 |
| 11 | Smart Water Management | 3 | 1.1 |
| 12 | Smart Social Support | 1 | 0.4 |
| 13 | Lain-lain | 11 | 3.9 |
| JUMLAH | | 281 | 100.0 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ISU KAJI STRUKTUR TANAH PANGSAPURI TAMAN TELUK GADONG
INDAH**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak JKR telah melantik konsultan bagi mengkaji struktur tanah akibat pergerakan tanah di pangsapuri tersebut?
- b) Apakah hasil kajian tersebut?
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap hasil kajian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR telah menerima surat kelulusan berbelanja daripada pihak UPEN bagi menjalankan kerja-kerja mengkaji struktur tanah "*soil investigation*" berjumlah RM39,800.00 pada 17 Julai 2019. Perlantikan konsultan bagi menjalankan kerja-kerja ini akan dilaksanakan oleh JKR Daerah Klang dan dijangka akan bermula pada pertengahan bulan Ogos 2019.
- b) Hasil daripada kajian tersebut boleh memastikan jenis pembaikan yang lebih sesuai yang akan dijalankan pada pangsapuri tersebut. Dalam masa yang sama juga, pihak JKR akan membuat anggaran kos bagi kerja-kerja pembaikan keseluruhan pangsapuri tersebut yang melibatkan kerja pembaikan dan penggantian bumbung, kerja-kerja penggantian paip air dalaman, kerja-kerja pembaikan dan penggantian sistem paip kumbahan, kerja-kerja pembaikan apron bangunan dan longkang, kerja-kerja mengecat semula bangunan, kerja-kerja pembaikan jalan, kerja-kerja pembinaan pagar kawasan dan lain-lain kerja yang berkaitan berdasarkan kepada lawatan pemeriksaan yang telah diadakan pada 17/07/2018. Anggaran kos bagi keseluruhan kerja pembaikan ini dijangka akan disediakan dalam tempoh satu bulan setengah daripada tarikh lawatan.

- c) Kerajaan Negeri akan menyediakan sejumlah peruntukan untuk kerja-kerja menaiktaraf bergantung kepada hasil laporan siasatan tanah (*soil investigation*) yang akan dijalankan dan juga laporan forensik struktur yang telah disediakan oleh pihak JKR pada tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : JPJ DAN MPSJ

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan MPSJ jika ada, untuk menyambung saman yang dikeluarkan oleh penguatkuasaan trafik Majlis dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (seperti yang telah dilakukan oleh MBPJ dan DBKL) untuk menambah berat lagi kesan undang-undang yang sama?

JAWAPAN:

- a) MPSJ amat bersetuju sekiranya MPSJ diberikan kuasa yang sama seperti yang dilaksanakan oleh MBPJ dan DBKL bagi menyenarai hitamkan kenderaan di mana dengan pelaksanaan ini dapat memastikan kompaun Majlis dibayar dan menjadi satu kaedah untuk mencegah pesalah tegar mengulangi kesalahan yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : SKIM PINJAMAN

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan ada berhasrat memperkenalkan skim pinjaman mudah untuk membina rumah kepada rakyat yang mempunyai tanah sendiri yang sah di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Taman Templer, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor berperanan untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan dan miskin bagi mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini disasarkan khusus kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah dimana jumlah pendapatan seisi rumah adalah dibawah RM3,000.00 sebulan serta mendiami rumah di atas tanah milik sendiri. Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai, menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki.

Di bawah program ini, kelulusan bagi sesebuah rumah adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan. Terdapat dua jenis bantuan di bawah program ini iaitu Bantuan Bina Baru Rumah dan Bantuan Baikpulih Rumah bergantung kepada kerosakan yang dialami. Kedua – dua jenis bantuan yang diberikan adalah secara percuma dengan kos pembinaan dan baikpulih rumah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui peruntukan sebanyak RM1 juta yang telah ditetapkan bagi tahun 2019. Berikut adalah perincian bantuan yang telah diberikan :

| TAHUN | JUMLAH BANTUAN RUMAH |
|--------------|---|
| 2018 | 42 permohonan berjaya 10 Bina Baru / 34 Baikpulih |
| 2019 | 56 permohonan berjaya (Sehingga 30 Jun 2019) 13 Bina Baru / 43 Baikpulih |

Sehubungan dengan itu, bagi menjamin golongan miskin dan kurang berkemampuan terbela, Program Kerajaan Prihatin tidak mempunyai perancangan khusus untuk memperkenalkan sebarang skim pinjaman untuk membina atau membaiki rumah kepada rakyat yang mempunyai tanah sendiri di Negeri Selangor memandangkan peruntukan ini adalah khusus untuk membantu golongan miskin tersebut untuk kediaman yang lebih selamat dan selesa dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin mengambil maklum akan cadangan skim pinjaman tersebut dan penelitian secara holistik perlu dilaksanakan sebelum apa – apa keputusan dapat dibuat mengikut keperluan semasa.

Walaupun bagaimanapun, secara umumnya, Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin di atas keperluan dan kepentingan rakyat di Negeri ini dalam memiliki rumah sendiri. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu rakyat di Negeri Selangor untuk memiliki rumah sendiri mengikut kelayakan yang dimiliki.

Sejajar dengan Dasar Perumahan Negeri Selangor iaitu untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna', Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perumahan mampu milik di bawah Program Rumah Selangorku dibawah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Projek perumahan ini bertujuan untuk memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu konsep perumahan yang baru iaitu Perumahan Mampu Milik yang memberi lebih keselesaan sama ada dari segi saiz, rekabentuk mahupun komunitinya. Program perumahan ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar yang dipengerusikan oleh Y.B Puan Haniza Binti Talha.

Di bawah program ini, pemohon khususnya rakyat Negeri Selangor berpeluang untuk memiliki perumahan sendiri dengan harga serendah RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bagi sebuah rumah mengikut kelayakan dan syarat – syarat yang telah ditetapkan. Permohonan boleh dibuat secara online dengan mematuhi syarat – syarat yang telah ditetapkan sepertimana yang dipaparkan di laman web LPHS. Walau bagaimanapun, pihak LPHS akan membuat saringan kepada permohonan yang layak untuk menentukan kawasan perumahan yang tersedia untuk tujuan tersebut.

Sehubungan itu, Skim Smart Sewa telah diwujudkan dan boleh dipohon oleh mereka yang berkelayakan. Buat masa ini, Perumahan dan Hartanah Selangor

Sdn. Bhd. (PHSSB) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan penyewaan rumah PPR dan Skim Smart Sewa. Di antara syarat – syarat kelayakannya adalah seperti berikut :

Rumah PPR

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas
- iii. Telah berkeluarga dan mempunyai tanggungan
- iv. Pendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00
- v. Pemohon dan suami / isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama

Skim Smart Sewa

- i. Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas dan berkeluarga / mempunyai tanggungan
- iii. Pendapatan seisi keluarga :
 - Tidak melebihi RM5,000.00 sebulan dan ke bawah bagi Rumah Jenis A / Kos Rendah
 - Tidak melebihi RM15,000.00 sebulan dan ke bawah dengan keutamaan diberikan kepada pendapatan kurang daripada RM10,000.00 sebulan bagi Rumah Jenis B, C, dan D / Kos Sederhana / Sederhana Rendah
- iv. Pemohon atau pasangan tinggal / bekerja di Selangor
- v. Pemohon tidak memiliki kediaman di Selangor atau mempunyai kediaman melebihi 50km daripada tempat sewa dipohon dengan syarat tempat kerja pemohon dalam lingkungan 25km perjalanan
- vi. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang telah dijalankan sepanjang tahun dalam usaha melestarikan alam sekitar dan memulihara alam semulajadi?

- b) Nyatakan kos yang telah dibelanjakan mengikut daerah.

JAWAPAN:

Soalan (a) akan dijawab bersekali dengan soalan (b)

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 63 program telah dirancang sepanjang tahun 2019 dalam usaha melestarikan alam sekitar dan memulihara alam semulajadi. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) antaranya telah melaksanakan Program Pengasingan Sisa Dari Rumah; Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar, Gerai Milik Majlis dan di Masjid dan Surau; serta Mengadakan Kempen Rendah Karbon di bangunan-bangunan di sekitar Pusat Bandar Shah Alam. MBSA telah memperuntukkan sejumlah RM455,400.00 bagi melaksanakan program-program memelihara dan memulihara alam sekitar pada tahun 2019.

2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan bancian dan penguatkuasaan penggunaan bahan biodegradasi di Bazar Ramadhan Petaling Jaya; Pendidikan penguatkuasaan melalui kaedah bancian premis yang menggunakan plastik pembungkusan, bekas pembungkusan polistrena dan juga polisi baru berkaitan larangan penyediaan penyedut minuman di kawasan umum; dan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) untuk pelajar sekolah. Jumlah kos pelaksanaan bagi program-program ini adalah sebanyak RM20,000.00.

3. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) antaranya telah melaksanakan Minggu Alam Sekitar Sekolah dan Taklimat Kempen Kesedaran Kebersihan di Sekolah-sekolah; Program Pengasingan Sisa Makanan dan Minyak Masak Terpakai di

Medan Selera Awam; dan Program Kitar Semula- SmartGen MPSJ dengan jumlah kos pelaksanaan sebanyak RM20,000.00. Ini menjadikan **jumlah kos yang telah dibelanjakan di daerah Petaling** sebanyak **RM495,400.00**.

4. Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) telah melaksanakan Program Tanam Pokok Dalam Bandar Negeri Selangor pada 21 Julai 2019 bertempat di Cyberjaya, Sepang. Selain itu, MPSepang telah mengadakan Kempen Pengasingan Sampah dengan kerjasama dengan komuniti melalui pemberian tong sampah secara percuma bagi tujuan pengasingan sampah; dan Pertandingan Kitar Semula di Peringkat Sekolah. **Jumlah kos pelaksanaan** bagi program-program ini **di daerah Sepang** adalah sebanyak **RM718,580.00**.
5. Manakala, Majlis Perbandaran Klang telah merancang dan melaksanakan Program Penilaian Asas Pokok; Program Pengagihan Anak Pokok Mangga; dan Tree Learning Centre dengan dengan **jumlah kos pelaksanaan di daerah Klang** sebanyak **RM70,000.00**.
6. Dalam usaha melestarikan alam sekitar dan memulihara alam semulajadi Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah melaksanakan Program Bank Kitar Semula; Kempen Cintai Sungai dan Tasik Kita; serta Program Plogging iaitu aktiviti larian sihat sambil mengutip sisa sampah dengan jumlah **kos pelaksanaan di daerah Gombak** sebanyak RM140,000.00.
7. Selain itu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah merancang dan melaksanakan pelbagai program antaranya Program Tanam Pokok Teduhan dan Pokok Renek; Taklimat dan Demo 'Unity Gardening Drum' kepada Komuniti; serta Taklimat Isu Pencemaran Sungai Daripada Projek Pembangunan/ Pembinaan Lebuhraya. Jumlah kos pelaksanaan bagi program-program ini adalah sebanyak RM500,000.00.
8. Manakala, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah melaksanakan Program Kajang River For Life Bersama Penduduk Kampung; Program Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah-sekolah; dan Program Food Waste Composting. Jumlah kos pelaksanaan bagi program-program ini adalah sebanyak RM100,000.00. Ini menjadikan **jumlah kos yang telah dibelanjakan di daerah Hulu Langat** adalah sebanyak **RM600,000.00**.
9. Seterusnya, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah melaksanakan Program Pembersihan Pantai Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat; Program Penanaman Pokok Bakau dan Rhu; serta Program Pemeliharaan Sungai Langat

Bagi Melepaskan Benih Ikan. **Jumlah kos pelaksanaan** bagi program-program ini di **daerah Kuala Langat** adalah sebanyak **RM400,000.00**.

10. Majlis Daerah Kuala Selangor telah melaksanakan Karnival Alam Sekitar dan Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia 2019; Kempen Sayangi Pantai bersama pelajar UNISEL; dan Program Penanaman Pokok Bersama UMW Corporation Berhad dengan **jumlah kos pelaksanaan** di **daerah Kuala Selangor** sebanyak **RM104,319.00**.
11. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah melaksanakan Karnival Sayangi Sungai; Karnival Sayangi Bumi; dan Kempen Pengasingan Sisa di Kawasan Perumahan dengan **kos pelaksanaan** di **daerah Hulu Selangor** sebanyak **RM60,000.00**.
12. Dalam usaha melestarikan alam sekitar dan memulihara alam semulajadi, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah melaksanakan Program Tanam Pokok Bakau dan Pokok Berembang di Persisiran Pantai; serta Kempen Bebas Plastik dan Polisterina peringkat Sekolah dan Pasaraya dengan **jumlah kos pelaksanaan** di **daerah Sabak Bernam** sebanyak **RM70,000.00**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk membantu belia untuk memantapkan keusahawan dan kerjaya?

- b) Nyatakan impak terhadap kerajaan perlaksanaan program setelah umur belia diturunkan kepada 15 hingga 30?

JAWAPAN:

a) Kadar pengangguran di Selangor yang direkodkan adalah seperti berikut:-

- I. 2016 (3.2%)
- II. 2017 (2.8%)
- III. 2018 (2.8%)

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

Kerajaan Negeri meletakkan sasaran bagi tahun 2019 adalah kadar pengangguran di Selangor menurun kepada 2.5%.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia sebagaimana berikut:-

1. Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (Job Fair) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Program Selangor Mega Job Fair pada awal tahun ini adalah program pertama kali berskala mega. Ia melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih dengan mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*). Sebanyak 180 majikan dan 20 Agensi /Jabatan Kerajaan terlibat. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah

ditawarkan dan 20 majikan turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Hampir 20,000 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut adalah seramai 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya ke temuduga ke 2. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang yang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Ia turut membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

2. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan

Salah satu program adalah program latihan bersama Farm Fresh. Program ini adalah berbentuk melatih usahawan muda untuk menjadi usahawan menjual produk tenusu. Program ini akan berlangsung selama 3 bulan dengan kerjasama Farm Fresh dan seusai program ini, para pelatih dijangka akan mendapat keuntungan bersih berjumlah RM1,500.00 sebulan.

Program latihan ini turut memberi menekankan konsep hand holding dimana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya seperti Bapa Susu.

3. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional dan pembiayaan pelajaran berdasarkan kelayakan pemohon.

4. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahkan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus Soft Skills Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- Mobile Service Aircond
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- Mobile Spa
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

5. Program di bawah agensi

i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

- **Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (dulu dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terpilih sejak dimulakan pada tahun 2007.

- **Program Tunas Niaga (PROTUNE)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNE) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

- **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus latihan dan pembudayaan dalam kalangan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- ii. Universiti Putera Malaysia (UPM)
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iv. Universiti Industri Selangor (UNISEL)
- v. INSPENS International College

- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS)
- vii. International Islamic Universiti Malaysia (UIA)
- viii. City University (City U)

Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai Program kepada Generasi Muda yang berminat untuk menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL)
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda
- d) Pembukaan Tanah Pertanian

- b) Antara impak terhadap kerajaan adalah ketandusan kepimpinan muda dalam pertubuhan belia. Hal ini kerana kebanyakan pertubuhan belia masa kini dianggotai belia berumur 30 tahun ke atas. Dalam erti kata lain, impak penurunan had umur belia adalah pertubuhan belia perlu meningkatkan keahlian belia di bawah umur 30 tahun.

Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa belia berumur 30 tahun ke atas masih boleh menyertai program pembangunan belia negeri. Ini selaras dengan suara-suara generasi yang disampaikan oleh belia di lapangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil kepada pemilik Rumah Selangorku yang menyewa unit mereka kepada orang lain untuk memastikan syarat Rumah Selangorku adalah didiami oleh pemilik dipatuhi?

JAWAPAN:

- a) Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2018 berhubung Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0) yang menggantikan Dasar Rumah Selangorku melalui Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) Bilangan 1 Tahun 2013 (Rumah Selangorku) tidak secara nyata menetapkan syarat pemilikan rumah Selangorku hanyalah untuk didiami dan tidak boleh disewakan oleh pemilik.

Walau bagaimanapun, memandangkan rumah Selangorku adalah hartanah kawalan untuk diagihkan kepada golongan yang benar-benar berkelayakan bagi memastikan matlamat satu keluarga satu kediaman tercapai, antara syarat yang dikenakan bagi pemilikan rumah Selangorku adalah bahawa pemohon atau pasangan belum memiliki sebarang jenis kediaman di Selangor.

Penggunaan syarat tersebut adalah bagi memastikan bahawa pemohon yang ditawarkan rumah Selangorku akan memanfaatkannya bagi tujuan kediaman sendiri dan bukan untuk tujuan pelaburan seperti sewaan dan seumpama dengannya.

Bagi menjawab persoalan di atas iaitu apakah tindakan yang akan diambil kepada pemilik Rumah Selangorku yang menyewa unit mereka kepada orang lain untuk memastikan syarat Rumah Selangorku adalah didiami oleh pemilik dipatuhi, LPHS telah merangka mekanisme yang bersesuaian melalui untuk dilaksanakan agar pemilikan rumah Selangorku dan juga aktiviti sewaan kepada pihak lain oleh pembeli ini dapat dikawal. Antara tindakan kawalan yang diambil adalah seperti berikut :-

- (i) LPHS telah menggariskan kelayakan pembeli dalam saringan permohonan di dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Selangorku (SPPRS) agar hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja yang akan diproses dan ditawarkan rumah Selangorku;
- (ii) menjalankan siasatan berhubung perkara ini dengan meneliti semula proses penawaran kepada pembeli-pembeli yang terlibat menyewakan unit-unit Rumah Selangorku;
- (iii) mengeluarkan notis bagi mendapatkan keterangan daripada pembeli yang menyewakan unit-unit Rumah Selangorku seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 38 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001;
- (iv) membuat tindakan penyelarasan bersama–sama dengan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan operasi bersepadu bagi kesalahan-kesalahan yang bersampingan dengan isu penyewaan antaranya pengubahsuaian tanpa kelulusan, pendawaian haram, kependhuan sesak dan kacau ganggu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1971 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (v) mengarahkan pemaju yang membina Rumah Selangorku, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan untuk mengambil tanggungjawab yang sewajarnya untuk menguatkuasakan undang-undang kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Strata 2013 (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 antaranya mengawal selia penggunaan akses kad terhadap kepada penghuni yang mendiami unit Rumah Selangorku;
- (vi) satu Manual Pengurusan dan Penyenggaraan Rumah Selangorku berhubung tatacara seragam pengurusan serta penyenggaraan bagi Rumah Selangorku telah disediakan sebagai langkah pencegahan serta pengawalan permasalahan ini daripada terus berulang, di mana koordinasi pengurusan aduan penyewaan dan penguatkuasaan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan melalui tersebut akan dilaksanakan. Manual tersebut akan diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dalam masa yang terdekat; dan

- (vii) Manual Pengurusan dan Penyenggaraan Rumah Selangorku tersebut juga akan menjadi garis panduan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) untuk merangka peraturan-peraturan dan kaedah dalaman tertakluk kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bagi melancarkan perjalanan pengurusan serta memastikan kepatuhan penghuni Rumah Selangorku untuk menjamin tahap keselamatan, kesihatan, keselesaan dan kenikmatan pemilik dan penghuni Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : ASET-ASET SELANGOR YANG BERADA DI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aset-aset Kerajaan Selangor yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan status semasa aset tersebut.

JAWAPAN:

- a) Aset-aset Kerajaan Selangor yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ada empat (4) iaitu :-

| BIL. | ASET | NO. HAKMILIK | STATUS |
|-------------|----------------------------------|-------------------------|--|
| 1. | Kelab Sultan Sulaiman (KSS) | Geran 71987 Lot 3349 | Pendaftaran Kelab Sultan Sulaiman (1967) telah dibatalkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia melalui surat bertarikh 3 Mei 2019. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk meneliti beberapa cadangan untuk mengembalikan peranan dan fungsi Kelab Sultan Sulaiman yang akan memanfaatkan penduduk di Kampung Baru, Kuala Lumpur. |
| 2. | Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur | Geran 11262 Lot 39 | Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membangunkan semula Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur menjadi sebuah Hotel Butik yang akan dinamakan sebagai <i>The Court : Hotels & Resorts</i> . |
| 3. | Bangunan Muzium Muzik | HSD 30048 PT 26 | Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membangunkan semula Bangunan Muzium Muzik menjadi sebuah pusat pelancongan yang |

| | | | |
|----|----------------|----------------------|--|
| | | | akan menumpukan pengisian untuk mempromosi pelancongan di Negeri Selangor dengan berkonsepkan <i>Selangor In A Day</i> yang akan dinamakan sebagai <i>Selangor House</i> . |
| 4. | Pejabat Istana | HSD 78065 Lot 108 | Kegunaan Istana. |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PERBANDARAN KUALA SELANGOR

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keuntungan kepada masyarakat tempatan di Kuala Selangor dengan cadangan menaikkan taraf Kuala Selangor kepada "city" status?
- b) Adakah cukai tanah dan cukai pintu akan dinaikkan? Adakah bayaran meletak kereta akan mula dikenakan selaras dengan cadangan di atas?

JAWAPAN:

- a) Keuntungan kepada masyarakat tempatan di Kuala Selangor dengan cadangan menaikkan taraf Kuala Selangor kepada "city" status adalah seperti berikut:-
 - i. Meningkatkan tahap perkhidmatan dan kemudahan kepada penduduk dengan lebih baik.
 - ii. Peruntukan untuk pembangunan dan penyelenggaraan infra meningkat.
 - iii. Meningkatkan ekonomi melalui penambahan keluasan pembangunan dalam daerah.
 - iv. Mendapat lebih ramai pelabur untuk merencanakan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan
 - v. Menjadikan Kuala Selangor lebih berdaya saing dengan menawarkan kualiti kehidupan yang lebih tinggi.
 - vi. Mendapat lebih ramai pelancong yang datang untuk menikmati keindahan dan keceriaan di samping warisan sejarah yang dipelihara
 - vii. Rakyat dapat menikmati kemudahan yang lebih selesa dan maju di bandar yang pintar dan lestari.
- b) Kenaikan atau penurunan kadar cukai taksiran adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 137 (3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 dimana sesuatu Senarai Nilai baharu yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam subseksyen (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelaksanaan ini meliputi semakan kadar sewa semasa sesuatu pegangan dan

pengemaskinian data. Sesuatu pegangan itu akan berlaku kenaikan cukai pintu juga sekira berlakunya penambahan pada ruang boleh guna pegangan tersebut. Kali terakhir Majlis Daerah Kuala Selangor membuat pindaan senarai nilai baru melalui Seksyen 137, Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah pada tahun 1997.

Pengenaan bayaran meletak kereta tiada kaitan dengan kenaikan taraf Kuala Selangor. Ia boleh dikuatkuasakan setelah mendapat pengwartaan bagi tujuan kawalan tempat letak kereta supaya lebih selamat, teratur dan mudah menggunakan aplikasi telefon selular selaras ke arah menjadikan Selangor sebagai negeri pintar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : PROGRAM KEBAJIKAN YANG TELAH DIMANSUHKAN

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Didapati beberapa program kebajikan seperti SMUE, Kad Peduli Sihat, Air percuma dan lain-lain telah dimansuhkan atau dikurangkan jumlah penerima. Apakah sebab utama yang mengakibatkan perkara ini berlaku?

- b) Bagaimanan usaha kerajaan untuk memberikan penjelasan kepada rakyat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : INSIDEN GANGGUAN OPERASI LOJI RAWATAN AIR (LRA)

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi insiden gangguan terhadap operasi Loji Rawatan Air (LRA) yang menjejaskan bekalan air kepada pengguna yang kerap berlaku kebelakangan ini?

JAWAPAN:

- a) Insiden 2 (dua) gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan Loji Rawatan Air Sungai Langat (LRA Sg Langat) dan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sg Semenyih) baru - baru ini adalah disebabkan pencemaran dan peningkatan sampah di sumber air mentah yang memaksa Loji Rawatan Air terpaksa dihentitugas. Perancangan Kerajaan Negeri dan tindakan yang diambil oleh Air Selangor bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut :
1. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sedang merangka program kesedaran kepada pengguna dan industri agar bersama-sama menjaga sumber air. Pada masa yang sama mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pengilang dan industri yang mencemarkan sumber air mentah.
 2. Memperkenalkan sistem HORAS dimana air sungai disalurkan ke kolam takungan yang boleh menyimpan air mentah antara 60 hingga 90 hari sebagai alternatif bekalan sumber air mentah. Sistem seperti ini telah dilaksanakan di LRA Sg Labu, LRA Semenyih 2 dan yang terbaru LRA Labohan Dagang. Sistem ini juga dapat membantu meningkatkan kualiti air mentah terutamanya di bahagian hiliran sungai dengan kaedah pemendapan di dalam kolam takungan sebelum dirawat.
 3. Air Selangor telah merangka dan merancang pelaksanaan kerja-kerja kapital secara berterusan melalui pelan perniagaan 30 tahun dengan perancangan perbelanjaan (CAPEX) sebanyak RM 30 bilion.

4. Meningkatkan 'reserve margin' dengan pengoperasian LRA Langat2 agar 'reserve margin' dapat ditingkatkan dari 3.52% ke 7.21% pada Oktober 2019. Lebihan air bersih di dalam sistem agihan ini akan dapat disalurkan ke kawasan terjejas dan meminimakan impak gangguan semasa berlaku sebarang hentitugas loji.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)?
- b) Berapakah jumlah peserta yang berdaftar dan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan sejak ia diperkenalkan mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) selepas tempoh pengemaskinian bermula 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019 yang lalu diteruskan pemberian manfaat kepada penerima-penerima KISS sedia ada yang memenuhi kelayakan KISS dan tersenarai sama ada di dalam sistem eKasih atau data Bantuan Sara Hidup (BSH).

Hasil semakan silang yang telah dijalankan pada tempoh pengemaskinian tersebut mendapati seramai 11,462 orang penerima KISS sedia ada adalah layak untuk terus menerima manfaat tersebut berdasarkan kriteria kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi tempoh 10 tahun;
- iii. Wanita berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak / tanggungan di bawah umur 21 tahun; dan
- iv. Berpendapatan bulanan seisi rumah di bawah RM2,000.00;
- v. Pemilih berdaftar di Negeri Selangor;
- vi. Berdaftar sebagai pemohon Bantuan Sara Hidup (BSH) di bawah kategori pendapatan bawah RM2,000.00 atau tersenarai sebagai golongan miskin atau miskin tegar di pengkalan data Sistem eKasih

- b) Semenjak Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) diperkenalkan, sebanyak RM101,583,951.93 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan pelaksanaan program KISS ini dengan jumlah penerima manfaat sebanyak 39,448 orang pada tahun 2018 dan diteruskan pada tahun 2019 kepada semua penerima KISS 2018 sedia ada sehingga tempoh pengemaskinian bermula dengan jumlah perbelanjaan mengikut DUN bagi tahun 2018 dan 2019 seperti berikut :

**JUMLAH PERBELANJAAN YANG TELAH DIBELANJAKAN BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS) BAGI
TAHUN 2018 DAN 2019**

| BIL | DEWAN UNDANGAN NEGERI | 2018 (RM) | 2019 (RM) | JUMLAH (RM) |
|------------|------------------------------|------------------|------------------|--------------------|
| | N/A | 1,180,575.32 | 789,199.56 | 1,969,774.88 |
| 1 | N01 SUNGAI AIR TAWAR | 1,518,717.17 | 1,156,224.26 | 2,674,941.43 |
| 2 | N02 SABAK | 1,130,757.03 | 946,498.83 | 2,077,255.86 |
| 3 | N03 SUNGAI PANJANG | 761,593.47 | 588,003.60 | 1,349,597.07 |
| 4 | N04 SEKINCHAN | 927,860.15 | 570,199.87 | 1,498,060.02 |
| 5 | N05 HULU BERNAM | 648,773.40 | 590,485.15 | 1,239,258.55 |
| 6 | N06 KUALA KUBU BAHARU | 977,308.13 | 611,064.93 | 1,588,373.06 |
| 7 | N07 BATANG KALI | 1,832,760.96 | 1,461,959.66 | 3,294,720.62 |
| 8 | N08 SUNGAI BURONG | 1,097,964.16 | 1,123,015.83 | 2,220,979.99 |
| 9 | N09 PERMATANG | 2,168,222.04 | 1,178,157.46 | 3,346,379.50 |
| 10 | N10 BUKIT MELAWATI | 897,831.06 | 681,076.50 | 1,578,907.56 |
| 11 | N11 IJOK | 708,293.05 | 479,869.35 | 1,188,162.40 |
| 12 | N12 JERAM | 820,414.19 | 648,675.99 | 1,469,090.18 |
| 13 | N13 KUANG | 1,431,223.40 | 833,621.90 | 2,264,845.30 |
| 14 | N14 RAWANG | 1,399,756.40 | 810,039.53 | 2,209,795.93 |
| 15 | N15 TAMAN TEMPLER | 1,273,230.43 | 732,857.10 | 2,006,087.53 |

| | | | | |
|----|------------------------|--------------|--------------|--------------|
| 16 | N16 SUNGAI TUA | 1,700,616.09 | 1,311,638.45 | 3,012,254.54 |
| 17 | N17 GOMBAK SETIA | 662,003.59 | 523,533.68 | 1,185,537.27 |
| 18 | N18 HULU KELANG | 769,433.13 | 578,791.60 | 1,348,224.73 |
| 19 | N19 BUKIT ANTARABANGSA | 1,226,990.11 | 843,049.78 | 2,070,039.89 |
| 20 | N20 LEMBAH JAYA | 579,595.60 | 511,292.39 | 1,090,887.99 |
| 21 | N21 PANDAN INDAH | 417,058.15 | 306,981.55 | 724,039.70 |
| 22 | N22 TERATAI | 486,878.05 | 290,219.60 | 777,097.65 |
| 23 | N23 DUSUN TUA | 747,217.05 | 527,269.66 | 1,274,486.71 |
| 24 | N24 SEMENYIH | 2,258,316.50 | 1,463,571.63 | 3,721,888.13 |
| 25 | N25 KAJANG | 982,045.22 | 753,547.19 | 1,735,592.41 |
| 26 | N26 SUNGAI RAMAL | 1,014,022.92 | 612,095.93 | 1,626,118.85 |
| 27 | N27 BALAKONG | 951,539.19 | 544,591.03 | 1,496,130.22 |
| 28 | N28 SERI KEMBANGAN | 232,380.65 | 149,118.05 | 381,498.70 |
| 29 | N29 SERI SERDANG | 298,883.39 | 317,092.25 | 615,975.64 |
| 30 | N30 KINRARA | 734,646.36 | 466,876.25 | 1,201,522.61 |
| 31 | N31 SUBANG JAYA | 348,343.75 | 204,596.00 | 552,939.75 |
| 32 | N32 SERI SETIA | 1,082,346.90 | 635,232.20 | 1,717,579.10 |
| 33 | N33 TAMAN MEDAN | 1,912,967.45 | 1,339,925.65 | 3,252,893.10 |
| 34 | N34 BUKIT GASING | 107,384.95 | 62,425.15 | 169,810.10 |
| 35 | N35 KAMPUNG TUNKU | 100,860.60 | 82,344.79 | 183,205.39 |
| 36 | N36 BANDAR UTAMA | 133,726.80 | 77,297.25 | 211,024.05 |
| 37 | N37 BUKIT LANJAN | 1,153,893.23 | 750,923.10 | 1,904,816.33 |
| 38 | N38 PAYA JARAS | 1,698,391.00 | 1,431,449.30 | 3,129,840.30 |
| 39 | N39 KOTA DAMANSARA | 1,336,441.55 | 906,929.23 | 2,243,370.78 |

| | | | | |
|----|-------------------------------|--------------|--------------|-----------------------|
| 40 | N40 KOTA ANGGERIK | 1,145,181.62 | 848,375.91 | 1,993,557.53 |
| 41 | N41 BATU TIGA | 1,058,391.63 | 749,410.79 | 1,807,802.42 |
| 42 | N42 MERU | 1,442,000.79 | 1,451,025.14 | 2,893,025.93 |
| 43 | N43 SEMENTA | 1,122,746.96 | 748,951.92 | 1,871,698.88 |
| 44 | N44 SELAT KLANG | 268,460.00 | 158,660.80 | 427,120.80 |
| 45 | N45 BANDAR BARU KLANG | 799,035.00 | 680,462.09 | 1,479,497.09 |
| 46 | N46 PELABUHAN KLANG | 3,046,722.74 | 2,026,028.57 | 5,072,751.31 |
| 47 | N47 PANDAMARAN | 878,155.35 | 544,413.95 | 1,422,569.30 |
| 48 | N48 SENTOSA | 238,110.75 | 156,347.25 | 394,458.00 |
| 49 | N49 SUNGAI KANDIS | 1,274,024.00 | 792,302.24 | 2,066,326.24 |
| 50 | N50 KOTA KEMUNING | 1,042,209.77 | 732,509.61 | 1,774,719.38 |
| 51 | N51 SIJANGKANG | 560,659.85 | 371,085.25 | 931,745.10 |
| 52 | N52 BANTING | 842,342.40 | 492,533.65 | 1,334,876.05 |
| 53 | N53 MORIB | 1,168,388.80 | 866,905.65 | 2,035,294.45 |
| 54 | N54 TG SEPAT | 828,824.77 | 647,874.85 | 1,476,699.62 |
| 55 | N55 DENGKIL | 2,839,551.37 | 2,030,761.94 | 4,870,313.31 |
| 56 | N56 SUNGAI PELEK | 1,304,084.75 | 824,407.95 | 2,128,492.70 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | | 101,583,951.93 |

(Sumber data dari Selcare Mangement Sdn Bhd)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN DI PANGSAPURI-PANGSAPURI
BERSTATUS PEMILIKAN STRATA**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penyelesaian yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani masalah penyelenggaraan jalan di pangsapuri-pangsapuri berstatus pemilikan strata?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2016 sehingga 2018, Kerajaan Negeri telah membantu untuk menangani masalah penyelenggaraan jalan di pangsapuri kos rendah melalui kaedah pindahan (swapping) peruntukan dengan tabung penyenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM26,333,002.08 seperti berikut:

| TAHUN | JUMLAH PROJEK | NILAIAN KOS (RM) |
|---------------|----------------------|-----------------------------|
| 2016 | 25 | 7,491,753.15 |
| 2017 | 32 | 9,303,245.93 |
| 2018 | 27 | 9,538,003.00 |
| JUMLAH | 87 | 26,333,002.08 |

Yang Berhormat juga boleh mengemukakan permohonan bantuan penyelenggaraan jalan dalam pangsapuri kos rendah kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.